

# Bola tampar pantai

## UMS 25-28 April

HE 19.4.2013 12

KOTA KINABALU: Pasukan digesa mengambil bahagian dalam kejohanan terbuka bola tampar pantai untuk lelaki dan wanita yang bakal berlangsung di gelanggang bola tampar pantai UMS pada 25-28 April.

Kejohanan tersebut yang menawarkan jumlah hadiah RM10,000 serta trofi dan pingat, dianjurkan oleh Pusat Sukan UMS.

Sejumlah 10 pasukan dari Semenanjung setakat ini telah mengesahkan penyertaan mereka dan mereka yang memerlukan lebih banyak maklumat dan borang kemasukan, boleh diperolehi daripada Ahmad Fadli (013-5447159) atau Rozieyati Ibrahim (010-9348914).